

03 NOV 2003

Parlimen-Penghargaan (Samy)

EKONOMI BERASASKAN PERTANIAN KE PERINDUSTRIAN KEJAYAAN TERBESAR DR M

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Menukar ekonomi Malaysia daripada yang berasaskan pertanian kepada perindustrian merupakan sumbangan dan usaha Perdana Menteri Malaysia keempat Tun Dr Mahathir Mohamad yang paling penting kepada negara.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata, Malaysia hari ini menikmati pembangunan ekonomi yang mantap dan politik yang stabil di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian semasa menyokong usul ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan Rakyat di sini hari ini.

"Dr Mahathir telah berjaya memastikan Barisan Nasional terus memerintah negara ini dalam setiap pilihan raya umum. Malaysia turut mendapat penghormatan dunia kerana sumbangan beliau.

"Beliau telah berjaya meletakkan Malaysia pada peta dunia dan menjadikan negara kita negara contoh yang dikagumi banyak negara, termasuk negara maju," kata Samy Vellu yang juga anggota Parlimen Sungai Siput.

Samy Vellu berkata Dr Mahathir juga telah berjaya mengubah minda rakyat Malaysia menjadi lebih proaktif.

Dr Mahathir bukan hanya seorang Wira Bangsa atau Wira Negara tetapi juga Wira Dunia Ketiga dan dunia sekarang menyanjungi beliau sebagai seorang pemimpin yang dinamik.

"Hari ini, dunia mengenali Dr Mahathir sebagai seorang Perdana Menteri yang berjaya menangani pelbagai krisis dalaman dan antarabangsa. Beliau dikenali sebagai "seorang bijak pandai ekonomi" setelah menyelamatkan negara daripada krisis ekonomi dan mata wang pada tahun 1998," kata Samy Vellu.

Dr Mahathir akan terus dikenang dan dijadikan contoh semua lapisan masyarakat dalam usaha mencapai pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara.

Katanya rakyat harus mencontohi semangat perjuangan beliau kerana semangat inilah yang telah menjadikan negara aman dan makmur daripada segi politik mahupun ekonomi.

Beliau berkata negara dan rakyat Malaysia bertuah dan berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana telah memberikan seorang pengganti, seorang tokoh pemimpin yang berwibawa dan handal, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata rakyat akan terus menikmati pembangunan dan keamanan di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang baru.

Semua akan memberikan sokongan padu kepada Abdullah dalam mentadbir Malaysia seperti yang telah diberikan kepada Dr Mahathir selama ini, kata Samy Vellu.

-- BERNAMA

SR SR BK